

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

---

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 2 ( 53 )

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGAL 2012-2013)  
BILANGAN 9 TAHUN 2013**

**Tarikh** : 25 September 2013 (Rabu)  
**Masa** : 10.30 Pagi – 01.17 Petang  
**Tempat** : Dewan Bunga Tanjung,  
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.  
**Hadir** : Seperti dilampiran kehadiran

---

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

**2.1 Video Korporat**

Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 7 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Ogos dan September tahun 2013.

**2.2 Video**

**PENYERTAAN AWAM BAGI MENETAPKAN WAWASAN DAN HALA TUJU PERANCANGAN BANDAR**

Tayangan video daripada Jabatan Perancangan Pembangunan adalah berkaitan penyertaan awam bagi menetapkan wawasan dan hala tuju Perancangan Bandar yang mengambil masa selama 11 minit.



### 3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

- 3.1 Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, Pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah bersama-sama menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh komitmen serta memberi kerjasama yang baik kepada Majlis khususnya dalam memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan baiknya demi kebaikan dan kesejahteraan masyarakat Petaling Jaya. Ini dapat dilihat pada bulan lepas apabila berlaku insiden tiada bekalan air yang melibatkan sebahagian besar kawasan di Petaling Jaya. Bagi mereka yang terlibat terutama pegawai dan kakitangan Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Penguatkuasa, walaupun pada hari cuti, mereka terpaksa mengorbankan cuti mereka untuk menghantar bekalan air kepada penduduk yang terlibat.

Sebagai pembuat dasar, komitmen dan sumbangan daripada Ahli-ahli Majlis sangat diperlukan supaya wawasan dan hala tuju yang jelas dan betul dapat dirumuskan. Selain daripada idea bernas yang datang daripada Ahli-ahli Majlis di dalam usaha tersebut, Majlis juga perlu mengambil kira pandangan dan hasrat penduduk supaya berkongsi nilai-nilai dan visi bagi mewujudkan Bandar raya yang mampan. Dengan penglibatan dan penyertaan penduduk untuk bersama-sama merancang pembangunan Bandar raya, mampu mewujudkan *sense of ownership* dan mengambil tanggungjawab bersama ke atas perancangan yang dibuat. Kepesatan pembangunan ekonomi dengan banjir penduduk yang tinggi serta pembinaan bangunan yang padat telah menimbulkan isu seperti kesesakan lalu lintas, pencemaran udara dan lain-lain yang menyebabkan Petaling Jaya perlu dirancang ke arah sebuah Bandar raya mampan.

### 3.2 PENYERTAAN AWAM BAGI MENETAPKAN WAWASAN DAN HALA TUJU PERANCANGAN BANDAR

Menjelang tahun 2020, bandar-bandar utama di negara rantau Asia dijangka akan mempunyai bilangan populasi yang tinggi akibat daripada perkembangan ekonomi yang pesat. Ini secara tidak langsung, akan mewujudkan pelbagai isu dan konflik dari aspek pengurusan perbandaran di mana sumber pembangunan yang terhad dan bandar kurang selesa didiami. Oleh itu, dalam menangani perkara ini, maka transformasi bandar yang menumpukan kepada keperluan asasi manusia dengan meningkatkan aspek ekonomi, ekologi, sosial dan budaya perlu dilaksanakan bagi masa depan bandar.



Sehubungan dengan itu, di peringkat Majlis Bandaraya Petaling Jaya, kita telah menganjurkan Seminar Livable City pertama pada tahun 2008 sebagai langkah awal untuk menerapkan kefahaman di peringkat masyarakat Petaling Jaya serta agensi-agensi kerajaan dan telah menghasilkan "Citizen Documentation" yang meliputi 8 sektor utama iaitu keselamatan, alam sekitar, ekonomi, pengangkutan awam, bandar bebas halangan, urus tadbir baik, pembangunan komuniti dan penggubalan dasar.

Selanjutnya, pada tahun 2012, Seminar Livable City kedua telah diadakan dan berjaya mengenal pasti enam (6) elemen utama iaitu visi, prinsip, hala tuju utama, matlamat, objektif dan strategi bagi penyediaan Pelan Strategik PJ Livable 2030. Sehubungan dengan itu, Seminar Livable City ketiga yang akan diadakan pada 26 September 2013 ini pula akan menumpukan kepada pelaksanaan program-program dan aktiviti bagi menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah Bandar raya yang Livable dan Loveable menjelang tahun 2030. Dengan ini, ianya akan menerapkan nilai "sense of belonging" dan "empower" di kalangan masyarakat Petaling Jaya khususnya dan Negeri Selangor amnya.

### 3.3 **PENDEKATAN PERANCANGAN BERTERASKAN *CITIES FOR PEOPLE***

Penulis buku *Cities for People*, Jan Gehl, menyatakan bahawa untuk sekian lama juru rancang bandar telah terlepas pandang terhadap dimensi manusia (*human dimension*) yang tidak ditangani dengan baik semasa merancang sesuatu bandar. Di antara yang paling ketara adalah pertambahan mendadak kenderaan di kawasan bandar. Ideologi perancangan moden pula kurang memberi keutamaan kepada ruang awam (*public spaces*), pejalan kaki dan peranan ruang bandar (*city space*) sebagai tempat pertemuan penghuni-penghuni bandar.

Majlis merasakan bahawa sudah tiba masanya kita melihat dimensi manusia dalam perancangan dengan mewujudkan pelaksanaan strategi pembangunan melalui pengwujudan ruang-ruang awam seperti dataran, plaza, dan taman-taman yang lebih banyak untuk dijadikan sebagai tempat pertemuan, riadah dan rekreasi serta pada masa yang sama memberi keutamaan kepada pejalan kaki, pengguna basikal dan sebaliknya seperti mengurangkan kemasukan kereta di kawasan bandar bagi mengurangkan pencemaran dan kesesakan lalulintas.



Bagi memastikan kejayaan prinsip *cities for people*, Pusat Bandar Seksyen 52 telah dipilih sebagai projek perintis Majlis iaitu perancangan pusat bandar separa wilayah itu akan berteraskan kepada prinsip pembangunan mampan alam sekitar berdasarkan strategi berikut yang merangkumi komponen *square, plaza, parks and street*. Strategi pembangunan akan difokuskan kepada penyediaan laluan pejalan kaki dan laluan basikal yang redup, lebar, selesa dan selamat menghubungkan Taman Jaya, Pusat Bandar dan sekolah melalui Jalan Timur, Jalan Yong Shook Lin, Jalan Sultan, Jalan Barat, Jalan Utara dan jalan-jalan kecil di dalam kawasan kediaman.

Kaedah *traffic calming* bagi mengurangkan kelajuan kenderaan dan bilangan kenderaan memasuki Pusat Bandar Seksyen 52 dengan kemudahan *Park 'n' Ride* serta feeder service yang efisien. Fasa Pertama projek *Park 'n' Ride* bersebelahan stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Asia Jaya akan memulakan kerja-kerja pembinaan pada Disember 2013 melibatkan penyediaan 600 petak tempat letak kereta dan dijangka siap pada Mac 2014. Masalah kekurangan tempat letak kereta terus meruncing di Pusat Bandar Seksyen 52 seperti yang dilaporkan di dalam akhbar dan Majlis tidak mampu menyediakan ruang tambahan tempat letak kereta di kawasan tersebut.

Sekiranya Majlis terus menambah bilangan tempat letak kereta di Pusat Bandar Seksyen 52, maka tidak akan ada ruang awam yang dapat digunakan oleh penduduk untuk berekreasi dan beriadah. Kebanjiran kenderaan ke kawasan pusat bandar ini juga akan menyebabkan *traffic crawl* yang menyesakkan kawasan bandar. Bangunan Kompleks C yang mengandungi tempat letak kereta dan gerai yang tidak berfungsi sepenuhnya dicadangkan untuk dirobohkan untuk dijadikan sebuah dataran dan disambungkan dengan Padang Timur sedia ada. Ruang awam itu akan menjadi *meeting point* dengan kewujudan ruang terbuka yang luas serta boleh dimanfaatkan untuk aktiviti senaman, yoga, busking, melukis dan persembahan tradisional (muzik, tarian, teater).

#### 3.4 PERMOHONAN PEMBANGUNAN

Sejumlah Ringgit Malaysia 13.6 billion Nilai Pembangunan Kasar (*Gross Development Value/ GDV*) daripada projek pembangunan yang diluluskan oleh Majlis telah dicatatkan sehingga 31 Ogos 2013 berbanding dengan RM 7.5 billion sepanjang tahun 2012, iaitu satu peningkatan sebanyak 81%. Anggaran Nilai Pembangunan Bersih adalah RM 2.9 billion berdasarkan kepada Nilai Kos Pembangunan adalah RM 10.7 billion. Angka ini dijangka akan meningkat lagi menjelang penghujung tahun 2013 kerana secara puratanya hampir 48 permohonan pembangunan diterima oleh Unit OSC setiap bulan.



GDV yang besar bermaksud bahawa pulangan kepada Majlis dari segi nilai cukai ataupun *tax value* akan meningkat pada 2-3 tahun akan datang setelah projek pembangunan siap dibina. GDV ini dicatatkan berdasarkan kepada 467 permohonan pembangunan yang diterima oleh OSC MBPJ. Daripada jumlah tersebut, 120 ataupun 26% adalah permohonan kebenaran merancang dan disusuli dengan permohonan pelan kejuruteraan (24%), pelan bangunan (21%), CCC (18%) dan pelan lanskap (11%). Komposisi jenis permohonan pembangunan yang diterima adalah sama dengan aliran pada tahun-tahun yang lepas.

Daripada jumlah permohonan yang diterima, sebanyak 225 permohonan diluluskan termasuk hanya 69.4% bagi permohonan kebenaran merancang saja sementara bakinya sama ada telah ditarik balik ataupun ditolak. Antara sebab permohonan ditolak termasuklah cadangan pembangunan yang bercanggah dengan rancangan pemajuan dan perundangan, cadangan tidak dapat memenuhi keperluan garis panduan serta dasar, maklumat yang tidak lengkap dan perunding yang tidak mematuhi piagam masa yang ditetapkan.

Memandangkan peratusan ini agak tinggi, adalah menjadi harapan beliau agar sekiranya perunding dapat melengkapkan diri dan nilai profesionalisma demi memastikan proses pertimbangan permohonan dan kelulusan yang diberi kelak dapat memenuhi aspirasi masyarakat Petaling Jaya amnya dan Majlis khususnya. Sehingga 31 Ogos 2013, 93.2% daripada jumlah permohonan telah diberi keputusan dalam tempoh 3 bulan iaitu mengikut tempoh piagam yang ditetapkan dalam ISO 9001 Majlis. Peratusan ini merupakan indeks prestasi utama (KPI) yang paling tinggi pernah dicatatkan oleh Majlis berbanding dengan 81.3% bagi tahun 2012 dan 83.2% bagi tahun 2011.

KPI sehingga kini yang tinggi dapat dicapai adalah disebabkan oleh frekuensi mesyuarat Jawatankuasa OSC telah bertambah kepada 3 kali sebulan, penyelarasan teknikal antara jabatan-jabatan dalaman dan luaran lebih kerap dilakukan di peringkat Jawatankuasa Teknikal OSC, proses pemantauan yang lebih ketat diadakan, peningkatan tahap kapasiti dan kesefahaman antara kakitangan teknikal serta pelaksanaan OSC Online secara menyeluruh. Adalah diharapkan dengan kerjasama padu semua pihak berkepentingan, peratusan KPI ini akan dapat dipertingkatkan lagi menjelang penghujung tahun 2013 dan Majlis turut boleh menimbangkan langkah-langkah untuk memendekkan tempoh masa piagam lagi.



### 3.5 RUMAH MAMPU MILIK

Menurut Laporan Indeks Harga Perumahan NAPIC (National Properties Information Centre), purata peningkatan harga rumah sejak tahun 2011 hingga kini telah berubah antara 9.9% hingga 12.3% dengan perubahan yang paling mendadak di kawasan Lembah Klang. Pada masa yang sama, mengikut Jabatan Perangkaan, hampir 80% isi rumah mempunyai purata pendapatan bulanan lebih kurang RM 6,954 pada tahun 2012. Dengan mengambil kira kadar pinjaman asas bank sebanyak 6.6% setahun, ini bermaksud golongan isi rumah berpendapatan ini hanya mampu memiliki rumah dalam lingkungan harga kurang daripada RM 250,000 seunit. Sekiranya harga rumah mampu milik ditetapkan pada RM 300,000 seunit, ini bermaksud hanya 31.7% saja yang mampu membeli rumah. Isu mampu milik perumahan memang menjadi satu cabaran bagi Bandar raya di merata dunia termasuk Petaling Jaya. Punca dan penyelesaiannya hendaklah dikenal pasti.

Namun bagi PBT, Majlis berperanan memudahcarakan penawaran rumah mampu milik menerusi proses perancangan pembangunan misalnya fleksibiliti kawalan perancangan dari segi penentuan kepadatan unit rumah dengan bukan hanya tertumpu kepada bilangan penduduk, inovasi rekabentuk dalaman rumah yang menawarkan ruang yang pelbagai kegunaan, rumah yang mesra alam dan berhemah dari segi penggunaan bahan binaan dan sebagainya. Beliau berharap jabatan-jabatan teknikal Majlis menyahut cabaran dan memikirkan idea yang inovatif dan kreatif bagi membantu Kerajaan menangani masalah rumah mampu milik.

Berkaitan dengan perkara ini juga, Kerajaan Negeri Selangor telah mengumumkan pembinaan sebanyak 50,000 buah rumah mampu milik dalam tempoh 5 tahun akan datang. Pendekatan yang diambil termasuk mempertimbangkan kebenaran menukar kelulusan membina rumah kos rendah kepada rumah berharga RM 150,000 seunit serta mengadakan perbincangan antara syarikat kerajaan dan sektor swasta untuk memperbanyakkan lagi penawaran stok rumah secara *public private partnership*.

Dalam hal ini, Majlis hendaklah mengkaji semula pendekatan dan halatuju pembangunan semasa dan akan datang bagi memastikan Dasar Kerajaan Negeri Selangor tercapai. Begitu juga dengan pematuhan Dasar 10% Ruang Niaga Mampu Milik seperti yang disyaratkan dalam Kebenaran Merancang dapat direalisasikan dan digunakan secara optima demi menawarkan ruang niaga dalam lingkungan kemampuan peniaga kecil.



Ke arah itu, beliau mengesyorkan supaya Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Kawalan Bangunan, Majlis serta Pejabat Tanah Daerah Petaling untuk mengkompilkan data dan *standard operating procedure* sesuai demi pemantauan yang lebih berkesan.

### 3.6 LARANGAN PENYEMBELIHAN AYAM/ITIK DI DALAM KAWASAN PASAR

Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan baru-baru ini telah memutuskan larangan penyembelihan ayam/itik di dalam kawasan pasar PBT. Larangan ini adalah bertujuan untuk menjaga aspek kesihatan dan pencemaran persekitaran kawasan dan sungai. Langkah ini juga selaras dengan arahan Kerajaan Negeri Selangor baru-baru ini bahawa semua pembangunan dalam rezab sungai dibekukan dan kajian perincian ke atas pembangunan yang berhampiran lembaran sistem saliran dan perairan perlu diperhalusi demi mengelakkan pencemaran ekoran daripada terputusnya bekalan air minggu lepas akibat daripada pencemaran air sungai oleh aktiviti bengkel.

Kedua-dua dasar ini menunjukkan betapa pentingnya punca penjaan pencemaran kerana aktiviti salahguna bangunan dan aktiviti yang kurang sesuai dikawal dengan rapi bagi menangani aktiviti yang tidak teratur ini. Sebagai permulaan, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran hendaklah menyediakan inventori ke atas aktiviti penyembelihan ayam/itik sedia ada di pasar dan juga aktiviti ekonomi dalam rezab sungai dikumpulkan dan seterusnya pelan tindakan dirangkakan.

### 3.7 PELAN TINDAKAN PENCEGAHAN RASUAH (PTPR)

Majlis amat memandang serius mengenai integriti dan pencegahan rasuah. Sehubungan itu, sebagai usaha pencegahan rasuah secara bersepadu dan berterusan melalui organisasi dalaman yang bersistematik dan berkesan, Majlis akan melaksanakan Pelan Tindakan Pencegahan Rasuah (PTPR) bersama-sama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). PTPR juga dilihat sebagai platform meningkatkan kefahaman dan kesedaran berhubung dengan kesalahan jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Keadaan ini akan melahirkan warga organisasi yang berintegriti tinggi dan berpegang teguh kepada undang-undang, peraturan dan etika organisasi.

Strategi pelaksanaan yang telah dikenal pasti bagi membanteras jenayah rasuah adalah seperti berikut:

- Strategi Pelaksanaan
- Strategi Pencegahan



- Strategi Pengukuhan
- Strategi Penguatkuasaan

Justeru itu, Majlis akan memperhebatkan usaha untuk mencegah jenayah rasuah, amalan dan kelakuan yang tidak beretika di kalangan warga kerja Majlis serta pihak yang berkaitan dengannya. Bagi tujuan ini, satu Unit Integriti akan ditubuhkan yang bertujuan memantapkan pengurusan di sektor awam dengan melaksanakan 6 fungsi teras iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib. Sebagai permulaan, mesyuarat jawatankuasa Majlis yang telah dikenal pasti untuk dianggotai wakil SPRM ialah osc, sebutharga dan tender dan mampan.

Majlis juga telah melaksanakan Polisi Aduan Salah Laku yang menggunakan kaedah *whistle blowing* iaitu sebagai satu mekanisme dalaman kepada pekerja Majlis atau mana-mana pihak bagi menyalurkan aduan, laporan dan maklumat berhubung dengan penyelewengan, salah laku, amalan-amalan salah dari segi peraturan Majlis dan tidak sah dari segi undang-undang yang dilakukan oleh kakitangan atau pengurusan, Ahli Majlis atau pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung serta mendapat maklum balas mengenai tindakan yang telah diambil terhadap laporan tersebut. Sebagai sebahagian daripada program ini, sebuah Manual Dasar Anti Rasuah akan diterbitkan dan diedarkan kepada semua pegawai dan kakitangan diikuti dengan latihan anti rasuah. Kita harus komited untuk melaksanakan prinsip anti rasuah baik dalam urusan perkhidmatan mahupun ketika berinteraksi dengan masyarakat serta *stakeholders*. Prinsip itu antara lain ialah menggalakkan nilai integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik serta pengukuhan sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah.

### 3.8 JAWATANKUASA PEMANTAUAN PROJEK

Jawatankuasa Pemantauan Projek telah dilaksanakan untuk membolehkan Ahli Majlis mendapat makluman mengenai status projek yang telah diluluskan di bawah zon masing-masing. Jawatankuasa ini bertujuan untuk memantau dan memastikan projek-projek yang dilaksanakan oleh Majlis memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan. Pemantauan yang dilakukan telah dibahagikan mengikut kawasan parlimen iaitu Petaling Jaya Utara, Petaling Jaya Selatan, Subang dan Kelana Jaya. Siri pertama telah bermesyuarat pada April lalu dan siri kedua telah dijalankan bermula 13 September hingga 1 Oktober 2013 kelak. Mesyuarat akan dijalankan sebanyak tiga kali dalam masa setahun bagi memastikan setiap projek yang telah dirancang berjalan dengan baik tanpa





menimbulkan sebarang masalah. Berikut ialah ringkasan bilangan projek mengikut Zon bagi tahun 2013.

- Zon Petaling Jaya Selatan: 86 projek
- Zon Petaling Jaya Utara: 50 projek
- Zon Kelana Jaya: 30 projek
- Zon Subang: 51 projek

### 3.9 OPERASI PENGUATKUASAAN

Majlis telah melaksanakan operasi yang dikenali sebagai “OPS PAKU” sepanjang bulan September 2013. Operasi yang dijalankan melibatkan tindakan penguatkuasaan merangkumi pusat siber dan kafe siber, pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan, halangan lalulintas dan premis di tempat awam, tempat letak kereta persendirian, iklan berstruktur dan iklan tanpa lesen serta pemeriksaan lesen tred, perniagaan dan perindustrian. Hasil daripada tindakan penguatkuasaan ini sebanyak 3,838 kompaun telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan, 143 tindakan sitaan, 429 tunda kenderaan, 189 kaput roda dan 31,756 iklan haram dan papan iklan kecil tanpa permit diturunkan. Operasi ini juga melibatkan penglibatan dari pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Melalui operasi bersama ini pihak PDRM telah membuat 12 orang tangkapan manakala pihak AADK telah menahan 2 orang untuk tindakan lanjut.

### 3.10 INSIDEN PEGAWAI PENGUATKUASA DICEDERA

Pada 13 September 2013 seorang anggota penguatkuasa telah dipukul di bahagian lengan tangan ketika menjalankan tindakan sitaan terhadap penjaja tanpa lesen di Jalan PJU 1A/46 berhadapan dengan laluan masuk ke Sri Kelana Kondominium. Semasa tindakan penguatkuasaan dijalankan, telah berlaku kekasaran dan pergaduhan iaitu anggota penguatkuasa Majlis telah dipukul dengan kerusi besi. Ekoran daripada itu, satu laporan polis telah dibuat untuk keselamatan anggota yang terlibat. Hasil siasatan dari pihak polis telah menahan suspek yang memukul anggota penguatkuasa berkenaan. Kes diserahkan kepada PDRM untuk tindakan selanjutnya.

### 3.11 PROGRAM KESELAMATAN

Bagi meningkatkan tahap keselamatan penduduk di kawasan Majlis, sebanyak 33 unit kamera litar tertutup (CCTV) telah berfungsi dan tambahan 60 unit lagi daripada Kerajaan Negeri dijangka berfungsi sepenuhnya pada November 2013. Di samping itu, Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) juga telah memberikan impak positif ke atas usaha meningkatkan kesedaran



awam dan kerjasama di antara Majlis dengan penduduk. Sebanyak 72 Persatuan Penduduk (RA) dan Rukun Tetangga (RT) telah menerima sumbangan sebanyak RM5,000.00 setahun bagi tahun 2013 bagi program ini. Kesenambungan daripada itu, sebanyak 110 unit basikal juga telah diberikan kepada RA dan RT bagi meningkatkan rondaan keselamatan di kawasan kejiranan mereka.

Usaha ini diteruskan dengan Program Rondaan Keselamatan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang telah dilaksanakan mulai 30 Julai 2013. Seramai 8 orang anggota penguatkuasa melibatkan Majlis dan PDRM telah ditugaskan meronda di kawasan-kawasan tumpuan seperti kediaman, komersil, perhentian bas dan lain-lain. Jumlah anggota penguatkuasa ini akan ditambah seramai 50 orang menjelang tahun 2014. Program rondaan keselamatan ini akan dilancarkan pada hari ini bersama PDRM. Majlis merakamkan ucapan terima kasih kepada PDRM yang bekerjasama dengan Majlis dalam usaha menangani masalah jenayah di kawasan Petaling Jaya.

### 3.12 PROGRAM MESRA RAKYAT

Majlis akan menganjurkan Program Mesra Rakyat pada 29 September 2013 di Desa Mentari Fasa 2, Blok 4,5,6, Petaling Jaya. Program ini dianjurkan bertujuan mengeratkan hubungan di antara penduduk dengan Majlis. Melalui program ini juga dapat memberi peluang kepada penduduk mengenali di antara satu sama lain. Selain dari itu juga, program seumpama ini dapat memberikan pendedahan tentang pelbagai perkhidmatan yang disediakan oleh Majlis. Pelbagai acara dijalankan pada hari tersebut antaranya Pertandingan Mewarna, Sukaneka seperti Futsal, Bola jaring 3 on 3, Sepakraga ratus kain pelikat, Tarik Tali, Makan Buah, musical chair, Bowling kelapa, Tarik tali dan lain-lain. Program ini juga akan turut mengadakan pameran perkhidmatan iaitu kaunter aduan, kaunter COB, kaunter Ez-pay, Kaunter Local Agenda 21, pameran perkhidmatan dari Polis Diraja Malaysia, Pejabat Kesihatan Daerah Petaling, MES dan lain-lain. Program ini juga sejajar dengan Pelan Tindakan 5 Tahun Kerajaan Negeri bagi teras penglibatan komuniti.

Beliau juga ingin memaklumkan Ahli-ahli Majlis adalah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Exco MTES bagi membincangkan berhubung Taklimat Projek University Malaya Health Metropolis daripada Tetuan The University of Malaya pada 26 September 2013, Khamis, jam 9.30 pagi di Bilik Gerakan MTES, Bangunan SUK, Shah Alam.



4.0 **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 9 TAHUN 2013 (SESI 2012/2013)**

4.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 9 Tahun 2013 bertarikh 25 September 2013 telah diluluskan dengan pindaan bagi perkara 7.1.2 di muka surat 15 dan 7.4.1 (iii) di muka surat 16 iaitu:-

7.1.2 Sehubungan dengan itu, beliau mencadangkan agar Majlis berbincang dengan Rapid KL bagi penambahan perkhidmatan bas awam di kawasan Petaling Jaya.

7.4.1 (iii) Pemasangan lampu di tempat letak kereta dan tempat-tempat sunyi.

(iv) Mencadangkan bangunan yang tidak digunakan sepenuhnya seperti Bangunan Rima College dijadikan tempat letak kereta.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

5.0 **LAPORAN MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT MAJLIS:-**

5.1 **MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 7 TAHUN 2013 BERTARIKH 30 JULAI 2013 (PENGGAL 2012/2013)**

Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil
6.2.2	<p><b>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATAN KUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 5 OGOS 2013.</b></p> <p>- Cadangan agar Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar memohon peruntukan bajet yang mencukupi bagi tahun 2014, memandangkan kerja-kerja ini telah diserahkan kepada Pasukan PANTAS disebabkan bajet tidak mencukupi bagi tahun 2013.</p>	<p>Penyerahan kerja menyelenggara pokok kepada Pasukan Pantas adalah keputusan yang dibuat semasa jabatan membentangkan status dan isu penyelenggaraan landskap di Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil 5/2013 bagi peruntukan untuk menangani aduan awam. Walaubagaimana pun dengan peruntukan yang ada, jabatan akan membahagikan kawasan mengikut zon Ahli Majlis bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan Majlis.</p>



Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil
6.5	<p><b>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATAN KUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 20 OGOS 2013.</b></p> <p>a) Persoalan daripada Encik Chan Chee Kong:</p> <p>i) Adakah pembersihan longkang dibuat mengikut jadual.</p> <p>ii) Adakah bajet mencukupi untuk kerja-kerja tersebut dan apakah spesifikasi yang digunapakai</p> <p>b) Cadangan Encik Khairul Anuar bin Ahmad Zainudin agar penyelenggaraan dan pembersihan longkang dibuat secara bersepadu.</p>	<p>Encik Derek John Fernandez berharap agar pasukan PANTAS bertindak mengikut skop kerja yang telah ditentukan iaitu kerja-kerja kecemasan seperti banjir. Kes-kes pokok tumbang disebabkan tiada jadual mencantas pokok harus ditangani oleh jabatan terlibat.</p> <p>Kerja-kerja pembersihan longkang yang dibuat oleh kontraktor adalah mengikut jadual yang ditetapkan iaitu:-</p> <p>i) Kawasan perumahan - 2 kali sebulan</p> <p>ii) Lain-lain kawasan - seminggu sekali</p> <p>Bagi tahun 2013, bajet untuk kerja-kerja tersebut adalah mencukupi.</p> <p>Cadangan ini akan diambilkira semasa cadangan kerja penyelenggaraan longkang dilaksanakan pada masa akan datang dalam tender dan sebutharga.</p>



Rujukan Minit	PERKARA	Tindakan Yang Diambil
7.3	<p>c) Cadangan Tuan Ir. Lee Suet Sen agar 'Task Force' longkang ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Encik Chan Chee Kong.</p> <p>d) Cadangan Encik Anthony Siva Balan a/l Thanasayan agar majlis menganjurkan seminar berkaitan longkang untuk memberi kesedaran kepada penduduk Petaling Jaya.</p> <p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD</b></p> <p>- Cadangan agar jabatan/bahagian fokus perkara-perkara berikut semasa penyediaan bajet 2014 iaitu:-</p> <p>i) Penyelenggaraan 'back to basic'</p> <p>ii) Longkang dan sampah</p> <p>iii) Penyelenggaraan berjadual</p> <p>iv) Penyelenggaraan PPR walaupun tiada bayaran dikenakan akan tetapi penyelenggaraan tetap dibuat.</p>	<p>Pihak Jabatan akan mengadakan perbincangan berkaitan 'Task Force Longkang' bersama pihak Jabatan yang terlibat pada bulan Oktober 2013.</p> <p>Cadangan ini akan dikaji mengikut kesesuaian dengan mengadakan perbincangan bersama Ahli Majlis kawasan. Dalam masa yang sama Jabatan Kesihatan Persekitaran akan sentiasa memberi penerangan kepada penduduk berhubung perkara ini.</p> <p>Pihak Jabatan mengambil maklum perkara tersebut dan bajet 2014 yang sedang disediakan telah mengambilkira hala tuju infrastruktur.</p>



Rujukan Minit	PERKARA	Tindakan Yang Diambil
7.3	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL</b></p> <p>i) Kekurangan tempat letak kereta di Petaling Jaya.</p> <p>ii) Penyelenggaraan lampu jalan/lampu taman.</p> <p>iii) Pemasangan lampu di tempat letak kereta dan tempat-tempat sunyi seperti di Bangunan Rima College.</p>	<p>Pihak Majlis telah membuat perancangan bagi pembinaan tempat letak kereta di sekitar Stesen LRT melibatkan 4 stesen iaitu Kelana Jaya, Asia Jaya, Taman Bahagia, Taman Paramount bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta di sekitar Petaling Jaya. Projek-projek ini dijangka dilaksanakan pada tahun 2013 dan bersambung 2014. Dalam masa yang sama pihak Majlis akan menjalankan projek perintis letak kereta bermasa di Pusat Bandar Dataran Sunway untuk cuba menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di sekitar Pusat Bandar yang mana sekiranya berjaya ianya akan dilaksanakan di sekitar Petaling Jaya.</p> <p>Peruntukan penyelenggaraan lampu jalan/ taman bagi tahun 2014 berjumlah RM 4,300,000.00 akan digunakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan lampu jalan/ taman mengikut zon di sekitar Petaling Jaya.</p> <p>Jabatan Kejuruteraan sedia maklum berkaitan isu ini dan sentiasa melakukan kerja-kerja penyelenggaraan mengikut keperluan dan aduan yang diterima oleh pihak awam.</p>



Rujukan Minit	PERKARA	Tindakan Yang Diambil
7.8	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YB. PUAN YEO BEE YIN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Keadaan longkang di Petaling Jaya Utara adalah terlalu lama dan kerosakan longkang tidak dibaiki.</li> </ul>	<p>Encik Derek John Fernandez turut menyuarakan rasa tidak puas hati ke atas keadaan fius lampu jalan/trafic yang tiada penutup. Perkara ini boleh mengakibatkan lampu rosak disebabkan kecuaiian majlis di mana air hujan akan bertakung di dalam fius tersebut.</p> <p>Sehubungan dengan itu, mesyuarat memutuskan agar Jabatan Kejuruteraan menubuhkan kumpulan bagi membincang dan menyelesaikan perkara ini</p> <p>Jabatan Kejuruteraan telah menyediakan jadual penukaran longkang-longkang di kawasan Petaling Jaya Utara berdasarkan peruntukan tahunan Majlis. Pihak Jabatan juga akan melaksanakan kerja-kerja penukaran longkang secara berkala bermula tahun 2014. Untuk makluman, kerja-kerja pada masa ini dilaksanakan berdasarkan aduan.</p> <p>Selain daripada itu, Pengarah Jabatan Kejuruteraan diminta untuk menyerahkan jadual penyelenggaraan longkang bagi kawasan PJU kepada YB. Puan Yeo Bee Yin untuk makluman.</p>



Rujukan Minit	PERKARA	Tindakan Yang Diambil
7.9	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YB. TUAN HEE LOY SIAN</b></p> <p>- Status Jalan PJS di Medan Baru (jalan tepi sekolah) dan bila jalan tersebut boleh beroperasi untuk kegunaan penduduk.</p>	<p>Jalan tersebut hanya boleh beroperasi setelah masalah banjir diselesaikan dan bagi menyelesaikan masalah tersebut, Jabatan Kejuruteraan mengambil tindakan untuk menjalankan kerja-kerja menaiktaraf longkang di Jalan PJS 3/8 dan Pengeluaran Tender bagi kerja-kerja tersebut akan dikeluarkan pada Bulan Oktober 2013.</p> <p>Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik memaklumkan bahawa isu yang dibangkitkan bukanlah masalah banjir. Keadaan sebenar adalah terdapat lubang yang terlepas pandang semasa projek ini dilaksanakan. Sehubungan itu masalah yang perlu diselesaikan adalah masalah lubang/lombong tersebut.</p> <p>Sehubungan dengan itu, mesyuarat meminta agar Jabatan Kejuruteraan menyasat perkara ini.</p>





Rujukan Minit	PERKARA	Tindakan Yang Diambil
	<p>- isu Tasik Lombong yang berbau busuk di PJS 3.</p>	<p>Bahagian Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan Persekitaran akan meminta pihak Alam Sekitar Malaysia untuk mengambil sample bacaan bau busuk di lombong tersebut untuk mengatasi masalah bau di tasik tersebut. Hasil pemantauan mendapati hanya pembuangan bahan binaan seperti batu dan pasir sahaja yang dibenarkan untuk pembuangan di tasik tersebut. Sehubungan dengan itu pihak jabatan akan sentiasa membuat pemantauan dari masa kesemasa berhubung perkara ini.</p> <p>Selain daripada itu, Encik Richard Yeoh Yong Woi menyatakan terdapat banyak perubahan positif ke atas Tasik di Petaling Jaya terutama tasik Taman Jaya.</p>

## 6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS

### 6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 9 SEPTEMBER 2013.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD 2 (17)]

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas kecuali bagi perkara 5.4.2 dan 5.3 di bawa semula ke mesyuarat untuk perbincangan semula.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.**



**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA  
PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 9 SEPTEMBER 2013.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (29)]**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan ayat bagi perkara 7.5 yang tidak diminitkan iaitu:-

**7.5 Penaiktarafan Pejalan Kaki di Taman Aman**

Encik Jeyaseelan bertanya jenis penaiktarafan yang dilakukan untuk tempat pejalan kaki kerana yang sedia ada tidak rata. Pengarah Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar memaklumkan bahawa kawasan tersebut tidak ada dalam perancangan. Pihak jabatan akan memaklumkan status penaiktarafan pada mesyuarat akan datang.

**Tindakan: Pengarah Jabatan Perancangan  
Pembangunan, MBPJ,  
Pengarah Jabatan Landskap dan Kehijauan  
Bandar, MBPJ.**

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap dan Pengindahan  
Bandar, MBPJ.**

6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT  
SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 30 OGOS 2013, 10 SEPTEMBER  
2013 DAN 19 SEPTEMBER 2013.**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (88)]**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (90)]**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (93)]**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan dan tambahan ayat seperti berikut:-

**Mesyuarat J/K OSC bertarikh 30 Ogos 2013 – tambahan  
bagi perkara 12.2.2 (e) iaitu:-**

e. Mesyuarat Town Hall diadakan bersama penduduk sekitar untuk mendapatkan pandangan sama ada proses pindaan zon perlu diadakan.



**Mesyuarat J/K OSC Bertarikh 10 September 2013 – pindaan kepada perkara 3 (hal-hal lain 12.2) iaitu:-**

Mesyuarat Jawatankuasa OSC mencadangkan agar Mesyuarat Penuh memutuskan pindaan Zon RTPJ 1 di bawah Seksyen 16(1) Akta 172 perlu dilakukan atau/tidak.

**Mesyuarat J/K OSC Bertarikh 19 September 2013 – tambahan syarat kepada perkara 4.10.2 iaitu:-**

xxxvii. Bas Lay-by

Pihak pemaju dikehendaki menyediakan bas lay by di dalam pembangunan tersebut bagi keperluan tempat letak bas dan untuk kegunaan orang awam yang menggunakan pengangkutan awam.

**Mesyuarat J/K OSC Bertarikh 19 September 2013 – tambahan ayat bagi perkara 13.1.2 iaitu:-**

Pemaju dikehendaki menyediakan TLK yang mencukupi mengikut piawaian Majlis, semua TLK mesti ditanda sebagai accessory parcel di setiap unit, TLK pelawat mestilah ditanda sebagai common area dan diserahkan kepada JMC, jikalau pemilik atau pemaju tidak buat demikian, semua TLK akan dijadikan common area dan diserahkan kepada JMC. Majlis tidak membenarkan stand alone parking bay atau bangunan TLK melainkan parking bay tersebut di kira dalam plot ratio pembangunan dan TLK mencukupi telah disediakan.

**Mesyuarat J/K OSC Bertarikh 19hb September 2013 – tambahan ayat bagi perkara 13.1.4 iaitu:-**

13.1.4 Pembangunan yang melibatkan KSAS Kelas III di kawasan Bukit Gasing dibekukakan buat sementara waktu.

**Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.**

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2013.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD 2 (112)]**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**



6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 11 SEPTEMBER 2013.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (74)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

6.6 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 11 SEPTEMBER 2013.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 2 (121)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

6.6.2 Mesyuarat juga mencadangkan agar maklumat lengkap hendaklah disediakan semasa penyediaan laporan ke jawatankuasa tender dan sebutharga terutama maklumat lengkap petender.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

6.7 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT 12 SEPTEMBER 2013.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 (101)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

6.7.2 Mesyuarat turut mengambil maklum cadangan YBhg. Datin Paduka Pengerusi untuk menjemput pegawai daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat.

**Tindakan : Pengarah, Audit Dalam, MBPJ.**

6.8 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN, KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 17 SEPTEMBER 2013.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (62)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan ayat bagi perkara 7.1 yang tidak dimitkan seperti berikut:-



- 7.1 Encik Terence Tan Teck Seng mencadangkan agar majlis mempertingkatkan perkhidmatan Facebook dan Twitter memandangkan perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan sosial yang amat berkesan ketika ini.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

6.9 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 17 SEPTEMBER 2013. [RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 2 (72)]**

- 6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**

- 6.9.2 Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud meminta penjelasan bagi perkara 4.8 di muka surat 10.

Mesyuarat memaklumkan bahawa pada masa kejadian, kawasan tersebut terletak di kawasan MBPJ dan sekarang terletak di kawasan MPSJ. Sehubungan dengan itu, perbincangan akan dibuat dengan pihak terlibat dan majlis akan membayar jumlah yang perlu dan melibatkan majlis sahaja.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.**

6.10 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BERTARIKH 23 SEPTEMBER 2013. [RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 (89)]**

- 6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

- 6.10.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan:-

- a) Perkara yang dibangkitkan oleh Encik Terence Tan Teck Seng berkaitan perkara 7.2 iaitu status projek 'PJ Walk' di Seksyen 52, Petaling Jaya yang mengambil masa terlalu lama untuk berjalan.



- b) Perkara yang dibangkitkan oleh Encik Tang Fuiie Koh berhubung dengan pembelian mesin kompos sedangkan mesin kompos makanan telah disediakan secara kerjasama dengan pihak swasta di Pasar Jalan Othman, Petaling Jaya.

Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran memaklumkan bahawa mesin kompos yang akan dibeli akan diletakkan di Taman Jaya sebagai `one stop recycle` dan fungsi mesin tersebut adalah berlainan. Akan tetapi sekiranya fungsi mesin tersebut adalah sama, maka pembelian akan dipertimbangkan semula.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.**

## 7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

### 7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL

- 7.1.1 Beliau menyatakan bahawa keutamaan pembangunan MBPJ bagi tahun 2014 adalah penyediaan pengangkutan awam bagi menggalakkan penduduk Petaling Jaya menggunakan pengangkutan awam dan mengurangkan kemasukkan kenderaan persendirian ke Petaling Jaya.
- 7.1.2 Selain daripada itu, beliau turut mengulas ucapan daripada YBhg. Datin Paduka Mesyuarat berhubung penyertaan awam bagi menetapkan wawasan dan hala tuju Perancangan Bandar ke arah tranformasi bandar yang menumpukan kepada keperluan asasi manusia dengan meningkatkan aspek ekonomi, ekologi, sosial dan budaya.
- 7.1.3 Oleh yang demikian, beliau berharap agar Pegawai Perhubungan Awam memainkan peranan dengan membuat hebahan kepada penduduk Petaling Jaya berkaitan dua perkara di atas untuk makluman.

**Tindakan : Pengarah, Unit Perhubungan Awam, MBPJ.**



**PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN AHMAD ZAINUDDIN**

7.2.1 Beliau berharap agar mulai tahun 2014, majlis menggunakan barangan daripada produk bukan plastik sepenuhnya bagi menyokong kempen kesedaran kitar semula serta pengurusan penggunaan beg plastik dan polisterin di bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor. Pada masa sekarang majlis telah menggunakan barang bukan polisterin bagi pembekal makanan di dalam majlis perayaan yang dianjurkan oleh MBPJ. Oleh yang demikian beliau berharap agar penggunaan produk daripada jagung atau sugar cane dipanjangkan kepada perkara-perkara lain seperti polibag, plastik sampah dan lain-lain.

7.2.2 Sebagai peneraju, majlis perlulah memulakan langkah awal untuk menjadi contoh kepada penduduk Petaling Jaya.

**Tindakan : Semua Ketua Jabatan, MBPJ.**

**PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TONY CHEONG SIEW THONG**

7.3.1 Beliau memaklumkan bahawa semasa program gotong royong yang dijalankan baru-baru, penduduk boleh mengutip sampah lebih daripada 30 beg plastik dalam masa 2 jam sahaja. Ini bermakna program gotong royong yang dijalankan lebih berkesan berbanding dengan kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor pembersihan yang dilantik dan dibayar oleh Majlis.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar pengawas-pengawas yang dilantik dapat memantau kerja-kerja pembersihan oleh kontraktor.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.**

**PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMAD ARISH**

7.4.1 Beliau bersetuju Pasukan PANTAS lebih fokus kepada kerja-kerja kecemasan dan bukan kerja-kerja penyelenggaraan. Selain daripada itu, beliau berharap agar pakaian yang melambangkan imej unit PANTAS diseragamkan.

**Tindakan : Pengarah, Aduan Awam , MBPJ.**



**PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD**

- 7.5.1 Beliau berharap agar Majlis dapat mengawal isu 'guarded' yang semakin berleluasa di kawasan perumahan Petaling Jaya. Menurut beliau lagi tiada sebarang tindakan dikenakan ke atas RA atau RT yang memasang besi penghadang tanpa mendapat kebenaran atau kelulusan majlis. Beliau berharap agar jabatan terlibat melihat perkara ini dan mengambil tindakan ke atas struktur yang tidak mendapat kelulusan majlis.
- 7.5.2 Encik Derek John Fernandez menyokong kenyataan ini dan mengulas sekiranya pemasangan besi penghadang tidak disekat, maka kesesakan lalulintas akan berlaku disebabkan terdapat penutupan jalan yang tidak dibenarkan di kawasan perumahan oleh Persatuan Penduduk.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**7.6 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUI KOH**

- 7.6.1 Beliau membangkitkan isu pasar malam dan pasar basah yang tidak dipantau oleh pengawas bertugas di mana ia menjejaskan kebersihan dan bertambahnya lebih 30% penjaja haram. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar pengawas yang dilantik berada di kawasan tersebut untuk memantau keadaan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.**

- 7.6.2 Selain daripada itu beliau bertanyakan kos perbelanjaan untuk siaran langsung Mesyuarat Majlis. Dimaklumkan bahawa kos perbelanjaan untuk siaran langsung Mesyuarat Majlis ialah sebanyak RM9000.00 setiap bulan.

**7.7 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK CHIANG CHIAN FU**

- 7.7.1 Beliau memaklumkan bahawa hasil lawatan beliau di SS2 dua minggu yang lepas, mendapati longkang di kawasan tersebut tersumbat. Beliau telah menyalurkan maklumat tersebut kepada bahagian aduan. Akan tetapi sehingga sekarang masih tiada apa-apa tindakan yang diambil oleh jabatan terlibat.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**





**PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ANTHONY SIVA  
BALAN A/L THANASAYAN**

7.8.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dimana telah menggunakan kaedah berhemah dalam menangani masalah anjing di kawasan tersebut. Oleh yang demikian, beliau berharap agar MBPJ mempelajari teknik daripada MPKj cara-cara menangkap anjing secara berhemah.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.**

**7.9 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK CHAN CHEE  
KONG**

7.9.1 Beliau berharap agar jawatankuasa mampan mengkaji satu dasar atau peraturan bagi kelulusan premis-premis yang melibatkan tempat mencuci kereta, pam minyak serta barang-barang yang melibatkan hiasan kereta. Peraturan ini amat penting bagi menyekat pertumbuhan premis-premis yang menguruskan aktiviti di atas yang menimbulkan banyak masalah terutama yang berkaitan dengan kebersihan alam sekitar.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan,  
MBPJ.**

**7.10 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TERENCE TAN  
TECK SENG**

7.10.1 Beliau membangkitkan status polis bantuan yang dipohon oleh MBPJ.

7.10.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa program polis bantuan yang dipohon masih dalam proses. Walaubagaimanapun bagi menangani masalah jenayah di kawasan Petaling Jaya, Majlis bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan melancarkan program rondaan keselamatan pada hari ini. Program ini telah dilaksanakan mulai 30 Julai 2013 di mana seramai 8 orang anggota penguatkuasa melibatkan Majlis dan PDRM telah ditugaskan meronda di kawasan-kawasan tumpuan seperti kediaman, komersil, perhentian bas dan lain-lain.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan  
Keselamatan, MBPJ.**



**7.11 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YM. RAJA FAIRUZ  
BINTI RAJA MAZLAN**

7.11.1 Beliau tertarik dengan perutusan YBhg. Datin Paduka Pengerusi berkaitan faktor keseimbangan pembangunan dengan keperluan asasi manusia. Menurut beliau lagi keberkesanan sesuatu projek adalah bergantung kepada penduduk dan manusia yang menguruskannya. Terdapat pelbagai aspek yang perlu ditambah baik bagi memenuhi kehendak semua seperti masalah kesesakan lalulintas, pencemaran udara dan lain-lain yang memerlukan Petaling Jaya dirancang ke arah sebuah Bandara raya mampan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.17 petang. YBhg. Datin Paduka Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat. YBhg. Datin Paduka Pengerusi turut memaklumkan bahawa terdapat banyak liputan media berkaitan Projek University Malaya Health Metropolis dari Tetuan The University of Malaya. Sehubungan dengan itu, beliau menjemput semua Ahli Majlis untuk menghadiri Mesyuarat Exco MTES pada 26 September 2013, jam 9.30 pagi di Bilik Gerakan MTES, SUK, Shah Alam bagi membincangkan perkara ini. Majlis akan membawa semula perkara ini ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Mampan untuk perbincangan selepas perbincangan di Exco MTES.

**(PUASA BIN MD TAIB),**  
Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 30 September 2013



**LAMPIRAN KEHADIRAN****HADIR:**

01. YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad,  
Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Puasa bin Md Taib,  
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Tuan Haji Ghazali bin Shaari,  
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Encik Derek John Fernandez,  
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Richard Yeoh Yong Woi,  
Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Chan Chee Kong,  
Ahli Majlis, MBPJ.
07. Puan Cynthia Gabriel,  
Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Terence Tan Teck Seng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Khairul Anuar bin Ahmad Zainudin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,  
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Tony Cheong Siew Thong,  
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Tuan Ir. Lee Suet Sen,  
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Azri bin Mohamad Arish,  
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Puan Norliana binti Mohamad,  
Ahli Majlis, MBPJ.



15. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Suriase a/l Gengiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Anthony Siva Balan a/l Thanasayan,  
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Tang Fuie Koh,  
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,  
Ahli Majlis, MBPJ,
21. Encik Chiang Chian Fu,  
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Teh Chi-Chang,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

01. Tuan Haji Ahmat Mohayen bin Haji Said,  
Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,  
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. Puan Aziziza Azdila binti Abdul Aziz,  
Wakil Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.



07. Puan Hamidah binti Ariffin,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,  
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.
11. Encik Abd. Muttalib bin Mohd. Ali,  
Pengarah (Undang-undang), Unit Perundangan, MBPJ.
12. Puan Haniza binti Abdul Hamid,  
Pengarah (Perhubungan Awam), Unit Perhubungan Awam, MBPJ.
13. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,  
Pengarah Audit Dalam, Unit Audit Dalam, MBPJ.
14. Encik Lee Chew Yee,  
Wakil Pengarah Aduan Awam, Unit Aduan Awam, MBPJ.
15. Puan Nordiana binti Roslan,  
Wakil Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
16. Cik Norshabani binti Johari,  
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,  
Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat),  
Bahagian Teknologi Maklumat, MBPJ.
18. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,  
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),  
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
19. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,  
Timbalan Pengarah (Pelesenan), Bahagian Pelesenan, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd Masri,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),  
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
21. Tuan Haji Ahmad Johari bin Salleh,  
Penolong Pengarah Kanan (Korporat), Unit Korporat dan Inovasi, MBPJ.



**AHLI PARLIMEN/ADUN:**

01. Encik Billy Wong,  
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara (PJU).
02. Encik Peter Chong,  
Wakil Ahli Parlimen Subang.
03. Y.B Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,  
ADUN Bukit Gasing.
04. Y.B Tuan Lau Weng San,  
ADUN Kg. Tunku.
05. Y.B Puan Yeo Bee Yin,  
ADUN Damansara Utama.
  
06. Encik Nor Azri bin Sulong,  
Wakil ADUN Kota Damansara.

**URUSETIA :**

01. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
04. Puan Suriyati binti Othman,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

